



18 Ogos 2021
18 August 2021
P.U. (A) 340

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PROKLAMASI

PROCLAMATION

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PROKLAMASI

OLEH KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH,
KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong XVI

BAHAWASANYA Fasal (2) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa BETA boleh memprorog Parlimen:

DAN BAHAWASANYA wajar dan sesuai Penggal Ketiga Parlimen Malaysia Yang Keempat Belas yang bermula pada lapan belas hari bulan Mei, dua ribu dua puluh, ditamatkan pada tiga puluh hari bulan Ogos, dua ribu dua puluh satu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA sebagaimana yang tersebut di atas MEMPROROG Parlimen yang tersebut mulai tiga puluh hari bulan Ogos, dua ribu dua puluh satu.

DIPERBUAT di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada empat hari bulan Ogos, dua ribu dua puluh satu.

[BKPP.R.700-6/1/1 Jld.6(4); PN(PU2)646/II]

Dengan Titah Perintah Baginda

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASIN
Perdana Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

PROCLAMATION

BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG,
BY THE GRACE OF ALLAH,
SUPREME HEAD OF THE STATES AND TERRITORIES OF MALAYSIA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong XVI

WHEREAS Clause (2) of Article 55 of the Federal Constitution provides that WE may prorogue Parliament:

AND WHEREAS it is desirable and convenient that the Third Session of the Fourteenth Parliament of Malaysia which commenced on the eighteenth day of May, two thousand twenty, shall terminate on the thirtieth day of August, two thousand twenty one:

NOW THEREFORE, WE, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, by the Grace of Allah, the Yang di-Pertuan Agong of the States and territories of Malaysia, in exercise of the powers conferred on US as aforesaid PROROGUE the said Parliament with effect from the thirtieth day of August, two thousand twenty one.

GIVEN at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this fourth day of August, two thousand twenty one.

[BKPP.R.700-6/1/1 Jld.6(4); PN(PU2)646/II]

By His Majesty's Command

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASIN
Prime Minister